# UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS UPACARA PENUTUP MUKTAMAR DAKWAH ISLAMIAH BAGI TENGGARA ASIA DAN RANTAU PASIFIK, DI DEWAN TUNKU ABDUL RAHMAN, KUALA LUMPUR PADA 14HB JANUARI, 1980

Assalamu 'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.


Bismilla-hir-Rahma-nir-Rahim.

Yang Berhormat Datuk Amar Haji Taib Mahmood, Pengerusi Muktamar, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman, Presiden Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia, Tuan Yang Terutama Shaikh Muhamad Ali Al-Harakan, Setiausaha Agung Rabitah Al-Alam Al-Islam, Mekah, Tuan Yang Terutama Afzal Shima, Setiausaha Agung Jemaah Penyelarasan Islam bagi Asia, Para Perwakilan Luar Negeri, para peserta dan para hadirin sekalian.

Muktamar Dakwah Islamiah bagi Tenggara Asia dan Rantau Pasifik ini telah menarik minat dan perhatian ramai. Ia telah menjadi pusat tumpuan disebabkan oleh sambutan yang begitu menggalakkan dari 17 buah negara di rantau ini dan juga kerana ianya diadakan pada ketika pemandangan dunia tertumpu kepada kebangkitan semula Islam.

Hasil keputusan yang telah dicapai oleh Muktamar ini amatlah memerangsangkan. Menggembelingkan tenaga serta menyelaraskan kegiatan gerakan dakwah yang dijalankan oleh badan-badan dan pertubuhan dakwah dari rantau ini adalah usaha yang amat baik dan berkesan. Dakwah yang benar yang dijalankan secara jujur dan ikhlas akan mengukuhkan perpaduan serta mengeratkan kerjasama umat Islam di rantau ini ke arah meninggikan lagi syiar Islam dan taraf ekonomi umat Islam.

Saya mengucapkan tahniah kepada pihak penganjur iaitu Rabitah Al-Alam Al-Islam Mekah dan juga Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia atau PERKIM, di atas usahasama dan kejayaan mereka menganjurkan Muktamar ini serta di atas kejayaan Muktamar ini mencapai matlamat dan tujuan yang telah ditetapkan. Saya juga mengucapkan berbanyak terima kasih serta



YAB Dato Hussein Onn, ketika diperkenalkan kepada para perwakilan di upacara penutup Muktamar Dakwah Islamiah bagi Tenggara Asia dan Rantau Pasifik di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur pada 14hb Januari, 1980.

setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak penganjur, khususnya kepada Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman dan Tuan Yang Terutama Shaikh Muhamad Ali Al-Harakan di atas penghormatan yang telah diberikan kepada saya di majlis ini. Saya juga suka menyampaikan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Sekretariat Pertubuhan Negara-negara Islam di atas sokongan yang telah diberikan kepada Muktamar ini.

Para hadirin sekalian,

Memanglah sejak Islam diwahyukan terdapat tentangan dan ancaman terhadap perkembangannya dan penyebaran ajaran-ajaran agama suci Allah ini. Cabaran dan dugaan yang dihadapi oleh umat Islam di zaman ini tidak kurang juga hebatnya. Selain dari ancaman yang didatangkan dari luar yang bertujuan hendak memusnahkan Islam, terdapat juga gejala-gejala yang dengan secara langsung atau tidak langsung, boleh melemahkan perjuangan umat Islam. Perbezaan-perbezaan pendapat dan pertelingkahan di kalangan pemimpin-pemimpin negara Islam sedikit sebanyak telah juga menjejaskan perpaduan dan keutuhan umat Islam di seluruh dunia.

Kegiatan dakwah yang berbeza-beza dan tidak selaras telah juga melahirkan bibit-bibit perpecahan umat Islam sesama sendiri. Penyampaian dakwah dengan cara yang sempit dan keterlaluan juga telah menimbulkan ketakutan dan kebimbangan di kalangan penduduk-penduduk bukan Islam. Jika kesemuanya ini tidak dikawal dan diperbaiki, maka ia akan hanya mempupuskan kemajuan ekonomi dan pembangunan umat Islam. Keadaan ini jika berlanjutan boleh membangkitkan kecurigaan dan kesangsian penduduk-penduduk lain agama terhadap Islam dan umat Islam.

Kita mestilah bersyukur kehadrat Ilahi di atas kurniaan rahmat kemakmuranNya yang telah dapat kita nikmat selama ini. Hasil sumber alam, terutamanya minyak yang telah dikurniakan oleh-Nya kepada sebilangan negara-negara Islam telah meletakkan taraf kedudukan kita dan agama kita ke mercu yang paling tinggi. Pandangan seluruh dunia tertumpu kepada negara-negara ini serta umat Islam seluruhnya. Negara-negara maju dan pemimpin-pemimpin dunia sentiasa memerhatikan serta mengikut perkembangan, terutama mengenai cara dan kebijaksanaan kita menggunakan kekuasaan ekonomi yang diperolehi dari hasil kekayaan minyak.

Malaysia tidak akan menggunakan kekuatan ekonominya pada jalan yang sempit dan tidak waras. Kita akan sentiasa menggunakan hasil sumber alam yang ada pada kita dengan cara yang penuh bertanggungjawab untuk faedah dan kebajikan rakyat jelata serta kepentingan negara. Dengan cara ini, maka dunia akan menghormati kita. Pemimpin-pemimpin Islam hari ini telah menunjukkan ketokohan dan mutu pimpinan yang tinggi.

Mutu kepimpinan yang saya maksudkan itu ialah tidak kurang pentingnya kepada pemimpin-pemimpin Islam dalam sesebuah negara di mana penduduk-penduduknya terdiri dari berbilang kaum yang menganuti pelbagai agama. Sewajarnya umat Islam bahkan rakyat seluruhnya, menghindarkan sebarang selisih faham yang boleh membawa kepada pertelingkahan di kalangan penduduk. Kita mestilah mengamalkan toleransi berugama dan toleransi hidup bersama dalam masyarakat yang berbilang kaum dan berlainan agama.

Dalam hubungan ini, saya merasa amat bangga kerana rakyat dan penduduk dari berbagai kaum yang menganuti lain-lain agama di Malaysia telah dapat mengamalkan semangat kerjasama dan persefahaman dengan umat Islam dalam semua bidang. Mereka sentiasa menghormati ugama Islam serta sentiasa berhati-hati supaya tidak melanggar pantang larang dan adat resam orang-orang Islam. Toleransi berugama, semangat muhibbah dan hidup bermasyarakat dengan harmoni sentiasa wujud di kalangan rakyat dan penduduk berbilang kaum dan berlainan agama di Malaysia. Inilah rahsia kemajuan, keamanan dan kemakmuran negara kita.

Umat Islam dan masyarakat Islam di mana-mana juga di dunia ini perlulah bersatu padu dan bersefahaman. Mereka mestilah menggunakan setiap saluran dalam apa jua bidang bagi mengeratkan lagi silaturrahim. Saya penuh yakin, badan serantau yang telah diperakukan penubuhannya oleh Muktamar ini akan menjadi media yang penting dan efektif bagi mencapai matlamat kita hendak meninggikan lagi syiar Islam serta meningkatkan lagi taraf ekonomi dan membaiki keadaan hidup umat Islam dan masyarakat Islam di rantau ini.

Para hadirin sekalian,

Islam adalah agama rasmi negara ini. Pengiktirafan ini telah dimaktubkan dalam Perlembagaan Persekutuan yang telah digubal dan dipersetujui oleh pemimpin-pemimpin semua kaum di negara

ini. Malaysia merupakan satu-satunya negara di dunia ini yang telah meletakkan taraf agama Islam di peringkat yang paling tinggi secara undang-undang. Ini telah dapat dilakukan dengan pimpinan yang bijak oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman dan pemimpin-pemimpin Malaysia yang terdahulu.

Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri dari sejak Kemerdekaan telah melaksanakan berbagai rancangan, bukan sahaja bagi tujuan meninggikan lagi syiar Islam, bahkan untuk membaiki lagi keadaan hidup serta meningkatkan lagi taraf ekonomi umat Islam di negara ini.

Peruntukan telah dan akan terus disediakan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri bagi membina mesjid-mesjid dan surau-surau untuk kemudahan dan keselesaan umat Islam beribadat kepada Allah.

Kerajaan sememangnya menitek-beratkan pendidikan agama. Pengajian bidang ini diwajibkan bagi pelajar-pelajar Islam di sekolah-sekolah rendah dan menengah. Di Pusat-Pusat Pengajian Tinggi, pelajar-pelajar boleh mendalamkan pengajian mereka mengenai Islam. Fakulti Islam dan Kolej Perguruan Agama Islam telah juga ditubuhkan. Kerajaan memberi galakan dengan menyediakan biasiswa bagi pelajar-pelajar melanjutkan pengajian Islam ke universiti-universiti.

Ramai bilangan pelajar-pelajar Islam kita yang telah lulus dan sekarang ini sedang berkhidmat dengan Kerajaan. Sebilangan daripada mereka adalah memegang jawatan-jawatan yang penting bukan sahaja dalam Jabatan-jabatan agama di negeri-negeri, Pusat Islam dan Yayasan-yayasan Pengajian Tinggi, bahkan juga dalam perkhidmatan-perkhidmatan awam yang lain.

Dalam usaha Kerajaan meninggikan taraf ekonomi dan membaiki keadaan hidup masyarakat dan umat Islam, berbagai projek dan rancangan telah, sedang dan akan terus dijalankan. Dasar Ekonomi Baru adalah bertujuan bagi mencapai matlamat ini. Kerajaan telah juga menubuhkan badan-badan dan institusi-institusi Sosio-ekonomi bagi memboleh umat Islam melibatkan diri serta mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan ekonomi negara.

Kesemua gambaran yang telah saya berikan itu bukan untuk propaganda tetapi adalah yang sebenarnya. Dengan ikhtiar Kerajaan ini serta tenaga yang boleh didapati dari umat Islam di negara ini, saya penuh yakin, usaha yang lebih pesat dapat digembelingkan ke arah menjalankan gerakan dakwah yang sihat serta yang lebih berkesan lagi supaya cita-cita kita hendak meninggikan syiar Islam serta hendak meningkatkan pembangunan ekonomi umat Islam dan masyarakat Islam dapat dilaksanakan sepenuhnya dan dengan jayanya. Insya Allah, dengan berkat rahmat-Nya, serta taufiq dan hidayah dari-Nya, umat Islam akan dapat mencapai cita-cita dan matlamat ini. Saya berdoa kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga dimakbulkan segala usaha suci dan usaha mulia kita ini.

Para hadirin sekalian,

Dengan ini saya dengan amat sukacitanya mengisytiharkan Muktamar Dakwah Islamiah bagi Tenggara Asia dan Rantau Pasifik ini ditutup dengan rasminya.

Wabillahit-taufiq Wal-hidayah, Wassalamu 'alaikum Warahmatullahi-Wabarakatuh.